

10 FEB 2003

Mahathir-Telekom

PENSWASTAAN BANYAK MEMBANTU MEMAJUKAN NEGARA, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata walaupun banyak pihak mengkritik penswastaan, langkah itu sebenarnya telah banyak membantu memajukan negara ini seperti yang dibuktikan oleh Telekom Malaysia.

Perdana Menteri berkata selain membolehkan syarikat gergasi telekomunikasi itu mencapai keuntungan RM1 bilion setahun, langkah penswastaan itu berjaya meningkatkan pendapatan para pekerjaanya.

"Dengan penswastaan, jelas bahawa bukan sahaja khidmat (telekomunikasi) ini dapat dikembangkan dengan pesat, pekerja pula mendapat banyak manfaat daripadanya," kata Dr Mahathir ketika merasmikan Menara Telekom setinggi 77 tingkat di sini.

Katanya sebelum diswastakan dulu, kerajaan terpaksa membelanjakan ratusan juta ringgit bagi membiayai Jabatan Telekom tetapi kini, bukan sahaja kerajaan tidak perlu membiayai perkhidmatan telekomunikasi, ia mampu mengutip cukai daripada keuntungan syarikat-syarikat seperti Telekom Malaysia.

Dr Mahathir berkata kadang-kadang penswastaan menemui kegagalan terutamanya sewaktu kegawatan ekonomi dulu, tetapi ia masih menjadi pendekatan yang baik dalam mempercepatkan proses memajukan negara.

Perdana Menteri berkata Telekom Malaysia kini berhadapan dengan persaingan daripada beberapa syarikat telekomunikasi lain dan ini merupakan sesuatu yang penting bagi memastikan pelanggan menikmati perkhidmatan yang cekap.

"Sesiapa yang cekap dalam memberikan layanan dan khidmat, mereka itulah yang akan mencapai kejayaan," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir meminta syarikat-syarikat tersebut meningkatkan mutu perkhidmatan masing-masing bagi mengelak rungutan daripada orang ramai, termasuk mengenai banyak kawasan yang tidak memungkinkan penggunaan telefon bimbit.

"Ini tidak memberikan gambaran baik tentang usaha dan teknologi yang diguna pakai bagi menyediakan infrastruktur komunikasi tempatan," katanya.

Beliau berharap syarikat telekomunikasi memberikan perhatian terhadap masalah itu dengan meluaskan kawasan liputan masing-masing.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai kewujudan banyak menara pemancar telekomunikasi yang menurutnya mencacatkan pemandangan.

Beliau berkata sepatutnya hanya perlu ada satu pihak yang membina menara pemancar dalam bentuk yang menarik dan ia kemudiannya disewa oleh syarikat-syarikat telekomunikasi.

Dr Mahathir berkata dengan cara ini, bukan sahaja bentuknya menjadi cantik tetapi apa yang lebih penting ialah bilangan menara seumpama itu dapat dikurangkan.

"Walaupun kita telah desak beberapa kali, tapi syarikat-syarikat telekom tidak ingin ada ikatan efisyen yang menguntungkan seperti penggunaan sebuah menara untuk semua," katanya.

Perdana Menteri berharap kemudahan sistem pemancar di Menara Telekom turut digunakan oleh syarikat komunikasi lain.

"Kalau kita berkongsi kemudahan, ini dapat mengurangkan perbelanjaan kita dan dapat memperbaiki skyline (pemandangan) Kuala Lumpur," katanya.

Di awal ucapannya, Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana walaupun mengambil masa agak lama iaitu lapan tahun, Menara Telekom akhirnya dapat disiapkan.

Bangunan berkonsepkan rebung setinggi 310 meter itu direka oleh arkitek tempatan, Hijjas Kasturi.

Ia dilengkapi dengan Sistem Pengurusan Bangunan Bersepadu dan mempunyai ruang pejabat seluas 85,000 meter persegi dan mampu menempatkan 6,000 pekerja.

Sebelum itu, Pengerusi Telekom Malaysia Tan Sri Mohamed Radzi Mansor berkata syarikat itu mungkin tidak lagi membina menara-menara baru selain daripada apa yang ada sekarang iaitu Menara Kuala Lumpur, Menara Alor Setar dan kini Menara Telekom.

"Dan selaras dengan seruan kerajaan supaya syarikat-syarikat telekomunikasi tempatan berkongsi kemudahan menara pemancar untuk menjimatkan kos pembinaan, Telekom Malaysia ingin memanjangkan konsep yang sama untuk berkongsi menara ini dengan pihak-pihak yang berminat untuk menyewa ruang pejabat di sini," katanya.

Menurutnya, antara syarikat antarabangsa yang berbuat demikian ialah Daimler-Chrysler dan Hapag-Lloyd selain Bahagian Teknologi Maklumat, Tenaga Nasional Berhad.

-- BERNAMA
MAM MAM MAI